

Peranan Bapa dalam Pembangunan Sahsia Remaja dan Implikasinya terhadap Nilai Kekeluargaan (The Role of Fathers in Developing Adolescents Personality and its Implication Towards Family Value)

AMLA SALLEH, ZAHARA AZIZ, ZURIA MAHMUD &
ABD. AZIZ MAHYUDDIN

ABSTRAK

Kertas ini bertujuan membentangkan hasil kajian yang meninjau penglibatan bapa dalam asuhan anak-anak remaja dan hubungannya dengan perkembangan remaja. Tinjauan dibuat terhadap 468 sampel pelajar dengan menggunakan soal selidik tentang beberapa aspek asuhan bapa. Analisis korelasi antara tahap penglibatan bapa dengan perkembangan pembelajaran dan perkembangan konsep sendiri anak-anak remaja telah dilakukan. Analisis kekerapan, peratus, min juga dijalankan. Antara dapatan yang penting ialah anak-anak mendapati penglibatan bapa agak baik, iaitu bertanggungjawab dari segi menyediakan kemudahan fizikal serta sokongan kepada ibu. Bagaimanapun, responden merasakan bapa mereka tidak mesra dan tidak banyak berkomunikasi dengan mereka. Mereka juga beranggapan bapa tidak banyak terlibat dalam proses pembelajaran, khususnya dalam hal-hal yang berkaitan dengan sekolah. Tahap penglibatan bapa juga tidak mempunyai hubungan dengan prestasi akademik remaja. Manakala korelasi antara penglibatan bapa dalam asuhan dengan konsep sendiri pelajar lelaki adalah rendah. Implikasi kajian dapat dilihat daripada peranan bapa dalam konteks keluarga dan nilai kekeluargaan Islam. Oleh kerana lebih daripada 75 peratus sampel datang daripada latar belakang ekonomi rendah (<RM 1000), pendidikan ibu bapa yang rendah dan sampel Melayu, maka dengan itu dapatan ini lebih menggambarkan sikap bapa Melayu dari kumpulan yang disebutkan. Dengan itu, kajian yang menggunakan sampel yang lebih representatif adakah sangat penting untuk mengukuhkan dapatan ini.

Kata kunci: Asuhan bapa, remaja, konsep sendiri, prestasi akademik

ABSTRACT

The paper discusses a survey study that examined the involvement of fathers in parenting and its relationship with their children's development. A total of 468 adolescents who participated in the study had responded to questionnaires on aspects of fathers' parenting. Analysis of correlation coefficient between fathers' involvement in parenting and academic achievement and self concept of the adolescents were performed. Frequency count, percentage and mean were also calculated to examine the parenting involvement among fathers. Results indicated that fathers were perceived by their children as responsible and supportive of their mothers. However, the respondents felt that their fathers were unfriendly and had little communication with them. They also expressed that their fathers did not help them in their school works. The correlation between fathers' involvement in parenting and their children academic performance and with the their self concept was rather low. This implies that the role of father in parenting need to be examined further. However, as the majority (75 percent) of the respondents were Malay and they came from low SES (< RM 1000) therefore the results are only reflect the Malay low income group. Studies with more representative sample are therefore recommended to verify the support the present findings.

Keywords: Fathers' parenting, adolescents, self concept, academic achievement

PENGENALAN

Dalam Islam, peranan dan tanggungjawab bapa sangat jelas. Suami dan bapa dianggap sebagai ketua keluarga yang diletakkan tanggungjawab memberi nafkah, menjamin keselamatan dan kesejahteraan ahli keluarganya serta membimbing ahli keluarga, iaitu isteri dan anak-anak supaya menjalani kehidupan yang berlandaskan prinsip Islam.

Bagaimanapun, isu-isu yang berkaitan dengan remaja terutama remaja lelaki dalam masyarakat Malaysia menuntut kajian-kajian empirikal yang dapat mengenal pasti faktor-faktor yang berkaitan terutama peranan bapa. Remaja lelaki menunjukkan ciri sahsiah yang lebih rendah daripada remaja perempuan, baik dalam bidang akademik (Zalizan et al. 2001), kerjaya serta aspek pertumbuhan sahsiah (Sani et al. 2009).

Kajian empirik Spera (2006) yang memisahkan sokongan ibu dengan sokongan bapa mendapati sokongan yang diberi oleh ibu dan bapa bukan sekadar berbeza, malah terdapat hubungan yang ketara antara pola sokongan bapa dengan tingkah laku remaja. Terdapat bukti yang menunjukkan penglibatan bapa yang tinggi dalam asuhan meningkatkan perasaan penerimaan, dan hubungan yang positif antara bapa dengan anak berupaya mengurangkan tingkah laku antisosial dalam kalangan anak-anak (Culp et al. 2000). Gaya asuhan bapa turut dikaitkan dengan pencapaian akademik anak-anak. Faktor gaya asuhan bapa terus dapat dikaitkan dengan beberapa ciri remaja seperti penyalahgunaan dadah dan tingkah laku nakal (Bronte, Moore & Carrano 2006). Nyata, bapa mempunyai peranan dalam asuhan dan terdapat bukti yang menunjukkan gaya asuhan bapa memberi kesan yang berbeza terhadap perkembangan anak-anak.

MODEL ASUHAN BAPA

Asuhan bapa telah dibuktikan mempunyai impak terhadap pertumbuhan anak-anak. Kajian di negara Barat, terutama di Amerika Syarikat mendapati perkembangan psikososial anak-anak sangat dipengaruhi oleh keluarga melalui gaya asuhan ibu bapa (Carlson et al. 1990; Enright et al. 1980). Kemunculan model asuhan bapa selepas model-model asuhan ibu bapa (Baumrind 1991a; 1971) adalah kerana terdapat sebilangan bapa memilih untuk melibatkan diri dalam asuhan secara lebih aktif dalam meningkatkan peranan mereka terhadap asuhan anak. Model asuhan bapa yang dibangunkan oleh Lamb et al. (1987; 1985) dianggap dapat memberikan satu pengertian yang terbaik dan terkini dalam pengukuran penglibatan bapa yang agak sukar untuk difahami (Mc Bride et al. 2002; Finley & Schwartz 2004).

Model Lambs (1997) menjelaskan penglibatan bapa dalam asuhan merangkumi tiga kategori berikut: (1) Masa bersama (engagement) iaitu penglibatan bapa dalam berinteraksi bersama dengan anak dalam pelbagai aktiviti, (2) Mudah dihubungi, iaitu interaksi bapa secara langsung dan tidak langsung dan (3) Tanggungjawab, iaitu bapa bertanggungjawab menyediakan kebajikan dan perhatian terhadap anak-anak. Selain itu, model ini juga menumpukan fokus utama dalam pengukuran masa penglibatan bapa dengan kehidupan anak-anak. Mereka juga memperkenalkan faktor yang menentukan penglibatan bapa, iaitu motivasi, kemahiran, sokongan sosial, dan latihan (Lamb 1997; Lamb et al. 1985). Mereka mencadangkan bahawa penglibatan bapa yang optimal akan wujud sekiranya bapa mempunyai motivasi yang tinggi, kemahiran keibubapaan yang cukup, menerima sokongan sosial terhadap asuhannya, serta tidak dilemahkan oleh kerja dan perkara-perkara lain.

REMAJA

Remaja sering digambarkan dengan ciri seperti zaman penuh gelora (Hall 1904), zaman mencari identiti dan bertanya

“siapa dirinya”? membina konsep sendiri dan lain-lain. Perkembangan psikososial seseorang pada tahap ini dianggap sangat penting (Erikson 1968). Selain bertanya siapa dirinya remaja juga bertanya “apakah aspek identiti yang akan muncul dalam konteks yang berlainan?” (Santrock 2003) kerana identiti mempunyai berbagai-bagai komponen seperti identiti kerjaya, pencapaian/intelektual, personaliti, identiti fizikal, politik, hubungan seks dan minat. Oleh kerana setiap orang dikatakan mempunyai konsep sendiri, iaitu satu sistem penilaian diri (Maslow 1968), maka remaja juga mampu membuat penilaian diri terhadap domain-domain kehidupannya yang merangkumi komponen-komponen identiti. Mungkin zaman remaja menjadi bergelora disebabkan remaja sentiasa mencari identiti dan menilai diri. Identiti pencapaian/intelektual pula ditakrifkan sebagai sejauh mana seseorang itu mempunyai motivasi untuk mencapai kejayaan dan menjadi intelek. Kajian-kajian yang berkaitan membuktikan pencapaian dikaitkan dengan pencapaian akademik di sekolah seperti pencapaian subjek Sains, Matematik dan lain-lain lagi.

Pencapaian akademik atau pencapaian pendidikan yang diterjemahkan dalam bentuk keputusan yang baik yang dicapai dalam peperiksaan kebangsaan pada peringkat menengah atau kejayaan mengikuti pengajian di peringkat lebih tinggi (Amla et al. 2007; Zalizan et al. 2001) sering digunakan sebagai pengukur kepada perkembangan intelek atau minda. Pencapaian yang dianggap baik ialah apabila seseorang pelajar mendapat gred A pada kebanyakan subjek yang diambil dalam peperiksaan. Pada peringkat sekolah rendah, keputusan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), iaitu peperiksaan yang diambil pada hujung tahun enam sering dijadikan kayu ukuran pencapaian akademik. Sementara pada peringkat menengah dua jenis peperiksaan yang sering digunakan, iaitu peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Pada PMR, mereka mengambil antara lima dan enam mata pelajaran, dan pada peringkat SPM, mereka dikehendaki mengambil sekurang-kurangnya lima mata pelajaran dan paling banyak yang pernah direkodkan ialah 21 mata pelajaran yang diambil oleh seorang pelajar lelaki pada tahun 2007 yang berjaya mendapat gred A untuk setiap mata pelajaran yang diambilnya. Jumlah gred A yang diperoleh oleh seseorang anak melambangkan usaha dan sokongan ibu bapanya. Jelasnya, kejayaan keibubapaan sering dilihat daripada kejayaan anak-anak dalam pendidikan. Ibu bapa di Malaysia seperti juga ibu bapa di Asia yang lain didapati sangat menekankan pencapaian pendidikan atau akademik berbanding masyarakat Amerika (Santrock 2003).

Kajian tentang asuhan bapa ini dijalankan adalah berasaskan andaian yang menganggap contoh teladan dan bimbingan dari lelaki dewasa untuk remaja lelaki sudah mula dipersoalkan. Statistik yang menjelaskan kedudukan remaja lelaki daripada aspek pencapaian akademik berbanding dengan pelajar perempuan menunjukkan satu trend yang membimbangkan. Pencapaian akademik mereka lebih rendah daripada pelajar perempuan, kematangan kerjaya dan efikasi

kendiri kerjaya mereka juga lebih rendah daripada pelajar perempuan (Sani et al. 2009), bilangan mereka di pusat pengajian tinggi lebih kecil daripada pelajar perempuan (Zalisan et al. 2001), dan jumlah mereka sangat ramai (90%) di pusat-pusat pemulihan dadah. Mereka juga mempunyai rekod masalah tingkah laku yang tinggi baik dalam bentuk rekod melanggar disiplin sekolah mahupun jenayah di luar sekolah berbanding remaja perempuan (Zuria et al. 2006). Usaha memahami dan mengenal pasti faktor-faktor yang berkaitan adalah sangat wajar. Satu daripada faktor yang didapati mempunyai kaitan ialah peranan bapa untuk remaja lelaki (Culp et al. 2000).

Bagaimanapun, data berkaitan peranan bapa dan kesannya terhadap perkembangan psikososial anak dalam masyarakat Malaysia masih belum memadai kerana jumlah kajian yang sedikit dan hasilnya yang bercampur-campur. Ada yang mendapati sikap dan gaya asuhan bapa seperti autoritarian, autoritatif, dan permisif memberi kesan yang berbeza ke atas perbuatan salah laku dalam kalangan remaja Melayu dan ada pula yang mendapati penglibatan bapa tidak mengesani pencapaian kanak-kanak. Bagaimanapun asuhan bapa didapati mempunyai perkaitan yang signifikan dengan estimasi sendiri, struktur personaliti dan ciri psikososial remaja Melayu dan China (Abdul Halim 2000). Ringkasnya, kajian-kajian lepas mendapati asuhan bapa dalam masyarakat Malaysia tidak dapat dikaitkan dengan pencapaian akademik, tetapi dapat dikaitkan dengan tingkah laku lain.

Peranan asuhan bapa didapati penting, tetapi tidak banyak maklumat yang diketahui tentang gaya dan tahap penglibatan bapa di Malaysia. Dengan itu, kajian ini bertujuan untuk menambah maklumat yang dapat meningkatkan kefahaman tentang gaya dan tahap penglibatan bapa dan kepentingannya terhadap perkembangan remaja.

SOALAN KAJIAN

1. Apakah bentuk penglibatan asuhan bapa di sekitar negeri Selangor?
2. Adakah terdapat hubungan antara tahap penglibatan bapa dalam asuhan dengan dua aspek perkembangan remaja, iaitu pencapaian akademik dan konsep diri remaja.

METODOLOGI

Kajian reka bentuk kajian tinjauan iniyang menggunakan soal selidik untuk mendapatkan data kuantitatif daripada pelajar (remaja) sekolah menengah. Tiga pemboleh ubah utama yang dikaji ialah tahap penglibatan bapa dalam asuhan anak-anak, pencapaian akademik serta konsep diri remaja. Kajian bertujuan melihat korelasi antara pemboleh ubah tahap penglibatan bapa dengan pencapaian akademik dan dengan konsep diri anak.

POPULASI DAN PERSAMPELAN

Populasi kajian terdiri daripada pelajar sekolah menengah di Selangor Malaysia. Berdasarkan statistik di Jabatan Pelajaran Negeri Selangor tahun pada 2006, jumlah populasi pelajar (lelaki dan perempuan) tingkatan empat di negeri Selangor adalah seramai 58,486 orang. Dengan merujuk kepada sampel minima yang disarankan oleh Krejcie dan Morgan (1970), seramai 468 pelajar tingkatan empat telah dipilih secara rawak dari 20 buah sekolah menengah di Selangor.

INSTRUMEN KAJIAN

Kajian ini menggunakan dua set instrumen utama, iaitu Instrumen Penglibatan Bapa (*Inventory of Father Involvement*) oleh Hawkins et al. 2002 dan soal selidik Konsep Kendiri Tennessee oleh Fitts dan Warren (1996) serta borang latar belakang responden.

INSTRUMEN PENGLIBATAN BAPA (INVENTORY OF FATHER INVOLVEMENT)

Instrumen Penglibatan Bapa (IPB) yang digunakan untuk kali pertama diambil daripada "*Inventory of Father Involvement*" (IFI) yang telah diadaptasi dan diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu. Terjemahan yang dilakukan adalah mengikut kaedah terjemahan semula atau 'back translation' yang diasaskan Brislin (1970). Adaptasi yang dibuat adalah dengan menambah konstruk kecil keagamaan yang mempunyai tiga item yang mengukur aspek penglibatan bapa dalam memberi galakan kepada amalan agama (pengibadatan). Noriah et al. (2007; 2006) mendapati unsur agama adalah penting dalam masyarakat di Malaysia sewaktu mereka membina *Malaysia EQ Test*. Penggalakan hal keagamaan terangkum di bawah konstruk "Menumpukan Perhatian" dan tiga item yang ditambah adalah seperti berikut: (1) Bapa saya menyediakan bimbingan agama kepada saya (item no. 9); (2) Bapa saya membawa saya bersama ke rumah ibadat (item no. 18); dan (3) Bapa saya menggalakkan saya mematuhi peraturan-peraturan agama (item no. 27).

KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN IPB

Kajian rintis terhadap IPB telah dijalankan untuk menguji kefahaman pelajar terhadap item-item soal selidik Inventori Penglibatan Bapa (IPB) serta untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan alat-alat penyelidikan yang digunakan. Kajian rintis dijalankan dalam dua peringkat.

Kajian rintis peringkat pertama bertujuan menguji kesahan muka item dengan melihat tahap kebolehbacaan item-item. Kajian dijalankan terhadap 20 orang pelajar tingkatan empat dari empat buah sekolah harian (dua buah dari bandar dan dua buah sekolah di luar bandar) di Selangor. Sementara pada peringkat kedua kajian dijalankan untuk melihat kesahan terjemahan dengan menggunakan kaedah "counter balance" (Amla 2001) yang melibatkan 40 orang

pelajar tingkatan empat. Ujian ditadbir sebanyak dua kali terhadap responden dalam jarak masa seminggu. Ujian kali pertama menggunakan instrumen Bahasa Inggeris yang telah ditambah item, dan pada ujian kedua instrumen Bahasa Melayu telah digunakan. Skor daripada kedua-dua ujian dianalisis dengan mencari indeks *Alpha Cronbach*. Indeks yang tinggi menunjukkan instrumen Bahasa Melayu dapat digunakan.

Kesahan instrumen IPB diukur melalui hubungan atau kolerasi antara jumlah skor. Bagi IPB, kaedah analisis korelasi Pearson antara skor setiap item dengan jumlah skor mengikut 10 dimensi atau konstruk kecil dengan melihat nilai *Cronbach Alpha* (Cronbach 1946; Norusis 1997). Nilai kolerasi antara skor item dengan jumlah skor mengikut 10 konstruk kecil IPB adalah melebihi nilai 0.25 iaitu nilai yang disarankan oleh Nunnally (1967). Indeks kebolehpercayaan alfa Cronbach bagi 10 subkonstruk adalah di antara .692-.867 dengan indeks kebolehpercayaan keseluruhan Alpha Cronbach .94.

INSTRUMEN KONSEP KENDIRI TENNESSEE

Soal Selidik *Konsep Kendiri Tennessee* (SSKKT) yang telah diterjemahkan dan dipakai oleh pengkaji tempatan (Chiam 1976; Othman 1995; Saedah 2004) digunakan untuk mengukur konsep kendiri bukan akademik pelajar. Soal selidik ini dipilih kerana ia merupakan soal selidik yang komprehensif yang boleh digunakan untuk mengukur lapan aspek konsep kendiri yang merangkumi aspek identiti kendiri, kepuasan kendiri, tingkah laku kendiri, kendiri fizikal, kendiri etika dan moral, kendiri peribadi, kendiri keluarga, dan kendiri sosial. Nilai kebolehpercayaan instrumen adalah .93 dengan nilai bagi skala kecil di antara .73 hingga .81 (Fitts & Warren 1996). Chiam telah mendapati kesahan instrumen yang diubah suai adalah pada tahap .60 hingga .80, sementara kesahannya ialah .80

ANALISIS DATA

Data yang dipungut dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif seperti kekerapan, peratus dan min, dan digunakan untuk membina profil responden. Sementara ujian-t dan Ujian korelasi Pearson digunakan adalah untuk

membuat perbandingan serta melihat hubungan antara pemboleh ubah yang berkaitan.

TAHAP PENCAPAIAN AKADEMIK

Pencapaian akademik pelajar diukur berdasarkan kepada keputusan peperiksaan pelajar yang mengambil Peperiksaan Menengah Rendah (PMR) pada tahun 2006. Mata pelajaran yang dimaksudkan ialah Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Matematik, Sains, Geografi, Sejarah dan Kemahiran Hidup. Mata pelajaran Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral terpaksa digugurkan kerana cara permarkahannya adalah berbeza. Pelajar telah menduduki peperiksaan ini pada bulan Oktober 2006. Keputusan setiap mata pelajaran diberi gred antara A hingga E, di mana maksud gred A adalah pencapaian tertinggi dan gred E adalah gagal.

Kaedah menukar gred kepada tahap kecemerlangan menggunakan kaedah berikut. Setiap gred diberi nilai tertentu, iaitu: A = 4; B = 3; C = 2; D = 1; E = 0. Nilai setiap gred yang diperolehi oleh setiap pelajar akan dikira dan jumlahnya akan menentukan tahap kecemerlangan. Penentuan tahap kecemerlangan setiap pelajar mengikut kriteria (lemah: 00-08; Sederhana: 09-18; Tinggi: 19-28) yang membolehkan seseorang pelajar mendapat jumlah skor maksimum sebanyak 28.

DAPATAN KAJIAN

PROFIL RESPONDEN

Daripada jumlah 468 soal selidik yang diedarkan kepada responden sebanyak 413 (88.2%) soalan soal selidik yang lengkap telah dianalisis setelah menolak soal selidik yang tidak lengkap dan responden yang menarik diri pada saat akhir.

Analisis data menunjukkan beberapa ciri sampel mengikut pemboleh ubah seperti yang tersenarai dalam Jadual 1 dan 3. Pertama, dari segi taburan gender jumlah responden lelaki dengan perempuan hampir seimbang (51,1%: 48.9%). Apabila responden dibahagi dua mengikut pencapaian akademik bilangan mereka yang berpencapaian tinggi dan yang berpencapaian rendah juga agak seimbang

JADUAL 1. Taburan Min Konsep Kendiri, Prestasi Akademik, Asuhan Bapa Kumpulan dan Mengikut Gender (N = 413)

Pemboleh Ubah	Skor Min (lelaki) N = 211		Skor Min (Per) N = 202		Total N = 413/ Skor Min	
	Min	SD	Min	SD	Min	SD
Pencapaian akademik	17.6398	7.81	18.4356	8.36	18.029	8.10
Konsep kendiri	3.4302	.28	3.4369	.26	3.3435	.27
Asuhan bapa	3.65319	.65	3.6935	.65	3.6729	3.6729
i. Aspek penumpuan	3.6011	.68	3.6304	.68		
ii. Aspek tanggungjawab	4.000	.73	4.0876	.70		
iii. Aspek mudah dihubungi	3.3365	.85	3.4059	.88		

SL = Sisihan lazim

JADUAL 2. Tahap Pencapaian Akademik dan Konsep Kendiri Anak Remaja N = 338*

	Lelaki		Perempuan		Jumlah (Lelaki / Perempuan)
	Bilangan	%	Bilangan	%	
Akademik tinggi	109	51.7%	107	53.0%	216
Akademik rendah	102	48.3%	95	47.0%	197
Konsep kendiri Tinggi	38	18.0	37	18.3%	75
Konsep kendiri Rendah	173	82.0%	165	81.7%	338

JADUAL 3. Skor Min Penglibatan Bapa (N = 413)

Tahap Penglibatan Bapa	Skor	Kekerapan	Peratus
Tahap Rendah	1.00 – 2.33	81	19.6 %
Tahap Sederhana	2.34 – 3.66	116	28.1 %
Tahap Tinggi	3.67 – 5.00	216	52.3 %
Jumlah		413	100.0 %

(52.3%: 57.3%). Begitu juga dengan latar belakang sekolah bandar dan luar bandar (49.9%: 50.1%). Majoriti responden didapati terdiri daripada kaum Melayu (70%), sementara bilangan reponden daripada kaum Cina dan India agak kecil. Selain itu, ramai bapa responden mempunyai pendapatan rendah iaitu di bawah RM2,500 (75.4%) dan berpendidikan rendah (66.8%) dan tidak menghadiri program keibubapaan yang dianjurkan oleh sekolah (80%), lebih daripada 60 peratus ibu responden tidak bekerja. Jelasnya, responden mempunyai beberapa persamaan dari segi kedudukan pendapatan, pendidikan, pendapatan serta sikap bapa terhadap program keibubapaan.

Jadual 1, 2 dan 3 menunjukkan ringkasan taburan skor min serta kedudukan bagi tiga pemboleh ubah utama tahap asuhan bapa, pencapaian akademik, serta tahap perkembangan konsep kendiri remaja apabila analisis deskriptif dilakukan.

Umumnya pencapaian akademik responden adalah sederhana tinggi, dengan min 18 dan hampir 50 peratus daripada mereka menunjukkan pencapaian yang tinggi dan hanya sekitar 25 peratus yang mendapat skor rendah (Jadual 2). Jadual yang sama juga menunjukkan jumlah pelajar lelaki dan perempuan yang mendapat skor kategori tinggi tidak banyak berbeza, begitu juga dengan kedudukan mereka yang mendapat skor akademik rendah. Min pencapaian akademik sampel lelaki dan perempuan juga didapati tidak berbeza secara signifikan. Jelasnya dari segi pencapaian sampel lelaki tidak berbeza dengan sampel perempuan.

Skor tahap konsep kendiri responden pula memperlihatkan keadaan yang sebaliknya di mana lebih daripada 80 peratus responden mendapat skor rendah dengan min 3.4 (Jadual 3). Pola yang sama turut dapat dilihat dalam kalangan responden lelaki dan perempuan. Dengan itu, kumpulan lelaki dan perempuan juga tidak berbeza dari segi tahap perkembangan konsep kendiri.

Jadual 3 memperlihatkan taburan tahap asuhan yang menunjukkan ramai dalam kalangan bapa yang berada pada tahap tinggi (52.3%). Umumnya, tahap penglibatan asuhan bapa dipersepsikan agak tinggi dengan nilai skor min keseluruhan 3.67 (Jadual 1). Analisis keatas tiga konstruk utama asuhan bapa, iaitu penumpuan, tanggungjawab, dan mudah dihubungi menjelaskan aspek penglibatan bapa yang paling tinggi adalah pada aspek tanggungjawab (min = 4.00), diikuti dengan aspek penumpuan (3.6), sementara aspek hubungan dilihat paling rendah (3.3).

Sementara analisis lanjut yang dilakukan mengikut subkonstruk asuhan menunjukkan penilaian yang dibuat terhadap aspek sokongan kepada ibu, galakkan persekolahn, penyediaan keperluan dan persediaan pembangunan bakat dan masa depan adalah lebih tinggi daripada penilaian terhadap subkonstruk, perhatian, kasih sayang, masa bersama, disiplin dan dorongan membaca. Subkonstruk yang dinilai tinggi lebih kepada aspek asuhan yang berkaitan dengan menyediakan keperluan fizikal.

Apabila ujian-t dijalankan (Jadual 4) untuk membandingkan skor min asuhan bapa mengikut pemboleh ubah seperti gender (lelaki dengan perempuan), pencapaian

JADUAL 4. Perbezaan Min Penglibatan Bapa Mengikut Tahap Pencapaian Akademik dan Konsep Kendiri (N = 413)

Aspek	Tahap	N	Min	Sisihan Piawai	t	df	Sig.
Pencapaian akademik	Tinggi	216	2.5463	0.53499	1.544	411	0.123
	Rendah	197	2.4619	0.57572			
Konsep kendiri	Tinggi	75	2.7733	0.42149	- 4.722	411	0.000
	Rendah	338	2.4467	0.56490			

akademik (tinggi dengan rendah), dan tahap konsep sendiri (tinggi dengan rendah), ia tidak berbeza secara signifikan bagi pemboleh ubah gender dan pencapaian akademik ($p = 0.123 > 0.05$). Bagaimanapun, bagi pemboleh ubah konsep sendiri terdapat perbezaan tahap asuhan bapa yang signifikan antara mereka yang mempunyai konsep sendiri yang tinggi dengan yang rendah ($p = 0.000 < 0.05$).

Ringkasnya, analisis ini menunjukkan dua perkara penting, iaitu sampel kajian mempunyai banyak persamaan, sementara tahap penglibatan bapa dilihat tinggi.

Data Jadual 5 memperlihatkan tidak ada korelasi yang signifikan antara tahap asuhan bapa dengan pencapaian akademik pelajar, kecuali antara tahap asuhan bapa dengan pencapaian akademik pelajar perempuan di mana terdapat korelasi yang agak lemah ($r = 0.233$). Analisis konstruk asuhan

bapa juga menunjukkan tidak wujud korelasi bermakna pada semua konstruk kecil (penumpuan, tanggungjawab dan, mudah dihubungi) dengan pencapaian akademik lelaki dan perempuan, kecuali konstruk tanggungjawab dengan pencapaian akademik perempuan terdapat korelasi yang agak lemah.

Bagaimanapun, analisis korelasi asuhan bapa dengan konsep sendiri responden (Jadual 6) memperlihatkan terdapat satu bentuk korelasi sederhana ($.422$). Korelasi antara asuhan bapa dengan konsep sendiri lelaki dan perempuan juga menunjukkan aliran yang sama (L: $r = .369$; P: $r = .428$). Jelasnya, pencapaian akademik tidak dapat dikaitkan dengan asuhan bapa, baik bagi sampel lelaki mahupun perempuan, tetapi perkembangan konsep sendiri dapat dikaitkan dengan asuhan bapa.

JADUAL 5. Korelasi antara Asuhan Bapa dengan Pencapaian Akademik dan Konsep Kendiri Mengikut Gender

Pemboleh Ubah	Lelaki (N = 211)		Perempuan (N = 202)		Semua N = 413	
Asuhan bapa dan pencapaian akademi	-.076				.223**	.078
Asuhan bapa dan Tahap Konsep sendiri	.408**				.437**	.422 **
Aspek asuhan:	Pencapaian Akademik	Konsep Kendiri	Pencapaian Akademik	Konsep Kendiri	Pencapaian Akademi (L)	Konsep Kendiri (P)
a. Penumpuan	-.108	.396**	.193	.428**	.043	.412
b. Tanggungjawab	.093	.364**	.279**	.390**	.093	.377
c. Mudah dihubungi	-.088	.227**	.175	.262**	.086	.2445

** signifikan at 0.01 level (2-tailed)

PERBINCANGAN DAN RUMUSAN

Sorotan literatur memperlihatkan terdapat bapa yang telah mengambil inisiatif untuk berperanan dengan lebih aktif dalam asuhan anak-anak. Golongan bapa tersebut telah membuktikan bahawa peranan mereka mempunyai impak terhadap perkembangan sahsiah dan pendidikan anak-anak (Lamb et al. 1987; 1985; Mc Bride et al. 2002; Finley & Schwartz 2004). Kajian-kajian berkaitan jelas menunjukkan pengaruh peranan bapa dalam perkembangan anak-anak dalam berbagai-bagai aspek pertumbuhan seperti perkembangan psikologi, sosial dan, akademik (Carlson et al. 1990; Enright et al. 1980). Di Malaysia, kajian-kajian awal dalam bidang ini turut membuktikan peranan bapa dalam beberapa aspek perkembangan tingkah laku sosial anak-anak (Abd. Halim 1999). Bagaimanapun, hubungan dengan pencapaian akademik belum dapat dipastikan.

Melihat kepada latar belakang responden kajian ini, perbincangan hasil kajian perlu dilihat daripada beberapa sudut tertentu. Pertama oleh kerana majoriti responden didapati adalah terdiri daripada pelajar Melayu dengan itu perbincangan ini mungkin lebih menjelaskan tingkah laku masyarakat Melayu dan tidak menggambarkan tingkah laku masyarakat Malaysia yang lain seperti Cina dan India. Selain itu, majoriti responden juga adalah daripada kalangan

keluarga berpendapatan rendah, iaitu di bawah RM1000 sebulan, dan lebih 50% daripada mereka tinggal di bandar. Dengan pendapatan bapa di bawah RM1,000, manakala ibu pula tidak bekerja, besar kemungkinan ramai dari mereka yang tinggal di bandar adalah penghuni rumah-rumah pangsa atau rumah-rumah setinggan yang kecil serta serba kekurangan baik dari segi kemudahan di dalam rumah mahupun di sekitar kejiranan. Bapa dalam golongan ini pula mungkin ramai yang terpaksa melakukan beberapa jenis pekerjaan atau melakukan kerja lebih masa untuk menambah pendapatan. Ini mungkin menyebabkan mereka jarang bersama keluarga. Dalam kalangan orang Melayu terutama mereka yang tidak berpendidikan tinggi, kebanyakan mereka masih bersifat tradisional di mana bapa ada kecenderungan bersikap autoriti dan ibu sering menjadi orang tengah dalam komunikasi antara bapa dengan anak. Sementara pola hubungan selalunya berbentuk sehalu. Dengan itu, komunikasi antara anak dengan bapa biasanya tidak mesra. Hal-hal ini mungkin mempengaruhi sikap bapa dalam asuhan secara umum.

Bagaimanapun, responden dalam kajian ini didapati melihat bapa mereka memainkan peranan asuhan dengan baik. Mereka memandang tinggi terhadap usaha bapa memenuhi tanggungjawab dalam menyediakan keperluan makan minum, persediaan persekolahan serta sokongan

yang diberikan kepada ibu mereka. Walaupun mereka beranggapan bapa mereka kurang memberi perhatian kepada aspek hubungan, kemesraan, pujian, galakan serta kesediaan untuk menghabiskan masa bersama dengan mereka, namun umumnya anggapan mereka terhadap bapa adalah positif. Dalam hal ini, remaja lelaki dan perempuan mempunyai persepsi yang sama terhadap asuhan bapa mereka.

Pandangan remaja yang rendah terhadap hubungan bapa daripada aspek kemesraan, pujian dan kesediaan menghabiskan masa bersama mungkin kerana tuntutan kerja kerana kebanyakan bapa berpendidikan rendah dan pendapatan rendah. Dengan itu, mereka mungkin mempunyai pekerjaan yang menuntut masa yang panjang, atau terpaksa melakukan beberapa pekerjaan, atau bekerja lebih masa. Pengaruh nilai tradisional masyarakat Melayu yang meletakkan bapa sebagai ketua keluarga yang mempunyai "kuasa yang perlu dihormati dan ditakuti" juga mungkin mengesani tingkah laku bapa yang menjadikan mereka kurang mesra dengan anak-anak. Selain itu, faktor pendidikan yang rendah juga mungkin ada pengaruh kerana tidak ada pendedahan terhadap pendekatan asuhan moden. Nyata, banyak faktor yang mungkin menyumbang kepada keadaan tersebut.

Dapatan kajian ini mempunyai beberapa persamaan dengan kajian-kajian terdahulu di mana asuhan bapa mempunyai kaitan dengan struktur personaliti anak-anak seperti estimasi-kendiri serta tingkah laku sosial khususnya tingkah laku antisosial (Abdul Halim 2000). Kajian ini juga mendapati tahap asuhan bapa mempunyai impak ke atas perkembangan konsep sendiri anak-anak. Terdapat satu bentuk hubungan yang positif antara persepsi remaja terhadap asuhan bapa dengan konsep sendiri mereka terutama dalam kalangan remaja perempuan.

Sesuatu yang menarik apabila bapa dalam kajian ini didapati seolah-olah tidak mempunyai peranan dalam perkembangan akademik anak-anak walaupun peranan mereka dilihat secara positif oleh anak-anak. Aliran yang sama seperti yang dapat dilihat daripada hasil kajian terdahulu (Abdul Halim 2000) turut dapat dilihat dalam kajian ini. Pencapaian akademik anak-anak dilaporkan agak tinggi namun ia tidak dapat dikaitkan dengan asuhan bapa. Oleh sebab kajian ini tidak melihat peranan ibu, dengan itu satu keputusan yang konklusif tentang sikap ibu bapa Malaysia yang mementingkan pencapaian akademik anak-anak seperti yang sering dilaporkan tidak dapat ditentukan dalam konteks siapa yang berperanan dalam mendorong anak-anak maju dalam akademik.

Kajian ini juga turut menunjukkan satu hasil yang berbeza dengan kajian-kajian mengenai pencapaian pelajar lelaki dengan perempuan (Zalizan et al. 2001; Amla et al. 2000) di mana pencapaian pelajar lelaki dengan perempuan tidak berbeza baik dari segi tahap pencapaian mahupun dari segi bilangan mereka yang berprestasi tinggi. Kajian-kajian lepas menunjukkan sudah menjadikan satu aliran yang membimbangkan di mana pelajar lelaki didapati terkebelakang berbanding dengan pelajar-pelajar

perempuan dalam pencapaian akademik. Begitu juga dengan perkembangan konsep sendiri. Pelajar lelaki dan perempuan tidak berbeza. Kedua-dua kumpulan dilaporkan mempunyai tahap konsep sendiri yang rendah. Jelasnya, terdapat aliran perkembangan akademik dan konsep sendiri yang seragam antara responden lelaki dengan perempuan. Ada kemungkinan keadaan ini berlaku kerana terdapat beberapa kesamaan dari segi latar belakang mereka. Kajian Amla et al. (2007) terhadap pelajar berprestasi rendah turut menunjukkan aliran yang sama, iaitu pelajar lelaki dan perempuan tidak berbeza dari segi tahap motivasi dan pencapaian akademik. Besar kemungkinan dalam kalangan pelajar daripada latar belakang sosioekonomi rendah pelajar lelaki mempunyai ciri yang sama dengan pelajar perempuan.

Perkembangan akademik responden juga seolah-olah tidak mempunyai kesan terhadap perkembangan konsep sendiri mereka. Jumlah responden yang memperoleh pencapaian akademik tinggi adalah ramai, iaitu melebihi daripada 50%. Mereka yang mempunyai tahap perkembangan konsep sendiri yang rendah lebih ramai, iaitu lebih daripada 80%.

Ringkasnya, kertas ini merumuskan bahawa bapa Melayu daripada kalangan berpendidikan dan berpendapatan rendah didapati turut melibatkan diri secara aktif dalam asuhan, baik dalam peranan tanggungjawab menyediakan keperluan fizikal mahupun dalam aspek hubungan walaupun kadar tahap penglibatan agak berbeza antara kedua-dua aspek tersebut. Remaja dalam kajian ini pula, iaitu remaja Melayu daripada keluarga berpendidikan dan berpendapatan rendah menunjukkan tahap pencapaian akademik yang sederhana tinggi, dan mempunyai konsep sendiri yang rendah. Asuhan bapa hanya dapat dikaitkan dengan perkembangan konsep sendiri dan tidak dengan pencapaian akademik. Ciri tersebut pula didapati sama bagi remaja lelaki dan perempuan.

Kajian ini memberikan beberapa implikasi terhadap amalan prinsip kekeluargaan dalam Islam yang menuntut bapa menjadi ketua keluarga dan bertanggungjawab terhadap nafkah, keselamatan, kesejahteraan dan didikan keluarga. Umumnya, bapa memperlihatkan bahawa mereka menjalankan tanggungjawab asas dengan memberi nafkah kepada keluarga dan memberi sokongan moral kepada isteri sebagai pengurus keluarga. Bagaimanapun, sebahagian daripada tanggungjawab didikan langsung masih terabai. Ini dapat dilihat daripada persepsi anak yang menganggap bapa mereka tidak mesra dan tidak memberi perhatian kepada kerja-kerja sekolah atau melibatkan diri dalam aktiviti pembangunan anak-anak di sekolah. Batasan sampel kajian ini menjadikan satu generalisasi tentang tahap penglibatan bapa secara umum tidak dipastikan.

Untuk mendapatkan gambaran yang menyeluruh dan lebih jelas tentang asuhan bapa dalam masyarakat Islam di Malaysia, kajian yang menggunakan kaedah persampelan yang dapat memastikan persampelan yang mewakili masyarakat Malaysia daripada aspek etnik, latar belakang ekonomi dan pendidikan keluarga yang berbagai-bagai perlu dijalankan. Kajian perbandingan antara peranan

asuhan bapa dengan ibu juga perlu dilakukan untuk menentukan faktor asuhan yang mempengaruhi pencapaian akademik anak-anak. Selain itu, hubungan antara tahap pencapaian akademik dan konsep sendiri pelajar yang seolah-olah berhubung secara menyongsang perlu diterokai lagi kerana kajian Sani et al. (2009) menunjukkan keadaan sebaliknya, iaitu semakin tinggi pencapaian akademik pelajar semakin positif tahap konsep sendiri mereka. Sementara peranan bapa dalam perkembangan konsep sendiri menuntut agar bapa perlu memainkan peranan mereka dengan lebih berkesan untuk membantu membangunkan konsep sendiri yang positif. Usaha-usaha untuk meningkatkan kemahiran kebapaan serta pendedahan kepada pendekatan yang berlandaskan nilai-nilai hubungan dua hala, sifat lebih mesera, penyayang dan rasa hormat adalah antara usaha-usaha yang mungkin perlu dipertimbangkan.

RUJUKAN

- Abdul Halim Masnan. 2000. Pengaruh gaya keibubapaan bapa ke atas pencapaian akademik dan penghargaan sendiri pelajar di sekolah menengah. Kertas projek yang tidak diterbitkan. Jabatan Pengajian Pembangunan Keluarga, Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia.
- Amla Salleh & Zuria Mahmud. 2000. Kesan aktiviti kerjaya ke atas Motivasi Belajar pelajar berprestasi rendah: Satu kajian kes. Laporan Akhir Penyelidikan GG/001/2003 UKM G/03. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Amla Salleh, Noriah Ishak, Zuria Mahmud, Ramlee Mustapha, M. Mokhtar, & S. Muhamad S. Abdullah. 2007. Strategi Membangunkan Potensi Pelajar Berprestasi Rendah: Implikasi kepada Pembangunan Modal Insan. Dalam (Sidang Penyunting), *Prosiding Seminar Kebangsaan: Isu-Isu Pendidikan Negara Ketiga. Dasar dan Pelaksanaan*. Fakulti Pendidikan, UKM ms 639-648.
- Baumrind, D. 1971. Current patterns of parental authority. *Developmental Psychology* 4(1-2): 1-103.
- Baumrind, D. 1991a. Effective parenting during the early adolescent transition. Dalam Smetana J.G., Parenting styles and conceptions of parental authority during adolescent. *Child Development* 66: 299-316.
- Biller, H.B. 1993. *Fathers and families. Paternal factor in child development*. Westport: Anburn House, Greenwood Publishing Group Inc.
- Brislin, R.W. 1970. Back translation for cross culture research. *Journal of Cross Cultural Psychology*: 185-216.
- Bronte-Tinkew, J., Moore, K. A., & Carrano, J. 2006. The father-child relationship, parenting styles, and adolescent risk behaviors in intact families. *Journal of Family Issues* 27: 850-881.
- Carlson C., Cooper C. & Hsu J. 1990. *Predicting school achievement in early adolescence: The role of family process*, paper presented at the meeting of the Society for Research in Adolescence, Atlanta, GA, March.
- Chiam, H.K. 1976. A Study the self-Concept of Form Four Students in an Urban Area and Some of its Correlations". Thesis M.Ed., University of Malaya (Unpublished).
- Cronbach, L. J. 1946. Response Sets and Test Validity. *Educational and Psychological Measurement* 6: 475-494.
- Culp, R.E., Schadle, S., Robinson, L., & Culp. A.M. 2000. Relations Among Parental Involvement and Young Children's Perceived Self Competence and Behavioral Problems. *Journal of Child and Family Studies* 9(1): 27-38.
- Dornbusch, S.M., Ritter, P.L., Leiderman, P.H., Robert, D.F., dan Fraleigh, M.J. 1987. The Relation of Parenting Style to Adolescent School Performance. *Child Development* 58: 1244-1257.
- Enright, R. D., Lapsley, D. K., Drivas, A. E., and Fehr, L. A. 1980. Parental Influences on the Development of Adolescent Autonomy and Identity. *Journal of Youth Adolescence* 9: 529-546.
- Finley, G.E. & Schwartz, S.J. 2004. The Father Involvement and Nurturant Fathering Scales: Retrospective Measures for Adolescent and Adult Children. *Educational and Psychological Measurement* 64(1): 143-164.
- Fitts, W.H. and Warren, W.L. 1996. Tennessee Self-concept Scale Manual. (second ed.), Western Psychological Services, Los Angeles.
- Hall, G.S. 1904. *Adolescence: Its psychology and its relation to physiology, anthropology, sociology, sex, crime, religion and education*, Vol. 2. New York: D. Appleton & Co.
- Han, Yee Kuen, 1889, Penilaian Semula Kajian Penglibatan Ibubapa Kesannya kepada Akademik. Tesis Sarjana yang Tidak Diterbitkan, Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya.
- Hawkins, A.J., Kay, P.B., Rob Palkovitz, Shawn L.C., Randal D.D., Vaughn R.A. Call. 2002. The Inventory of Father Involvement: A Pilot Study of a New Measure of Father Involvement. *The Journal of Men's Studies* 10: 183(14).
- Hawkins, A.J. Rob Palkovitz. 1999. Beyond Ticks and Click: The Need for More Diverse and Broader Conceptualization and Measure of Father Involvement. *The Journal of Men's Studies* 8(1): 11.
- Krejcie, R.V. & Morgan D.W. 1996. Determining Sample Size for Research Activities. In *Educational Research Competencies for Analysis and Application* (5th ed.), Gay L.R. (ed.), Prentice-Hall Inc. USA.
- Lamb, M.E., Pleck, J.H., Charnov, E., & Levine, J.A. 1985. Paternal Behavior in Humans. *American Psychologists* 25: 883-894.
- Lamb, M.E. (Ed). 1997. *The Role of Father in Child Development*. 3rd ed., New York: John Wiley & Sons Inc.
- Lamb, M.E. 1987. Introduction: The Emergent American Fathers. Dalam *The Father's Role: Cross Culture Perspective*. M.E. Lamb (Ed), 3-25. Hillsdale, NJ: Lawrence Erlbaum.
- Maslow, A. H. 1968. *Toward a Psychology of Being*. 2nd Ed. New York: Van Nostrand Reinhold.
- Mc Bride B.A., Schoppe S.J. & Rane, T.R. 2002. Child Characteristics, Parenting Stress, and Parental Involvement: Fathers Versus Mothers. *Journal of Marriage and the Family* 64: 998-1011.
- Noriah Mohd. Ishak & Zuria Mahmud. 2006. Redefining Emotional Intelligent from the Malaysian Teachers' Perspective. Prosiding AKU-IED Conference, Karachi, Pakistan.
- Noriah Mohd. Ishak, Ramlee Mustapha, Zuria Mahmud & Siti Rahayah Ariffin. 2007. Emotional Intelligence of Malaysia Teachers: Implications on Workplace Productivity. *International Journal of Vocational Education and Training* 14(2): 7-24.
- Norusis, M.J. 1997. *SPSS® 7.5 Guide to Data Analysis*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall, Inc.

- Nunnally, J.C. 1967. *Psychometric Theory*. New York, NY: McGraw-Hill.
- Nunnally, J.C. 1978. The Study of Change in Evaluation Research: Principle Concerning Measurement, Experimental Design and Analysis. Dalam *Handbook of Evaluation Research*. Elmer, L.S. & Guttentag, M (pnyt.). Beverly Hills, California: Sage Company.
- Othman Md Johan. 1995. Kesan Konsep Kendiri Terhadap Tingkah Laku Murid-Murid. Tesis Ijazah Kedoktoran yang tidak diterbitkan, Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Saedah A Ghani. 2004. Kesan kaunseling keluarga ke atas penyesuaian keluarga, kohesi keluarga, persekitaran keluarga, tingkahlaku bermasalah dan konsep kendiri remaja awal bermasalah tingkah laku. Tesis ijazah kedoktoran yang tidak diterbitkan, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Sanderson, S.L. 1999. *Factors Influencing Paternal Involvement in Childrearing*. (atas talian). [http://wwwlib.umi.com/dissertations/fullcit/9950386.\(2/14/2005\)](http://wwwlib.umi.com/dissertations/fullcit/9950386.(2/14/2005)).
- Sani Abdullah, Amla Salleh, dan Salleh Amat. 2009. Kematang Kerja dan Efikasi Kendiri Kerjaya dalam Kalangan Pelajar: Implikasinya Terhadap Kaunseling Kerjaya. Kertas yang dibentangkan pada Seminar PERKAMA 3-5 Jun 2009 (27ms), UPM.
- Santrock, J.W. 2003. *A Topical Approach to Life-Span Development*. Singapore: McGraw Hill.
- Sharma, J.R. 1977. A Study of Parental Involvement and its Effect on Pupil Performance in a Secondary School. Tesis sarjana pendidikan yang tidak diterbitkan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Spera, C. 2006. Adolescents' Perceptions of Parental Goals, Practices, and Styles in Relation to their Motivation and Achievement, *Journal of Early Adolescence* 26(4): 450-490.
- Strickland, B. (Ex. Edt). 2001. *The Gale Encyclopedia of Psychology* (2nd. Ed). Toronto: Gale Group.
- Tam Cai Lian. 2004. "Kesan Hubungan Ibubapa Terhadap Pencapaian Akademik dan Konsep Kendiri Anak", Tesis PhD. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan UKM, Bangi.
- Yap Yoke Fong. 2000. Hubungan antara penglibatan ibu bapa dan status sosioekonomi dengan pencapaian akademik. Disertasi Sarjana Pendidikan. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Zalizan Jelas, Hazadiah Dahan, Khatijah Rohani Mohd. Yunus, & Maarof Ridzwan. 2001. Kajian Prestasi Pelajar Lelaki & Perempuan Dalam Sistem Pendidikan Negara. Laporan yang diserahkan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia.

Untuk maklumat lanjut sila hubungi

Amla Mohd Salleh

Jabatan Asas Pendidikan

Fakulti Pendidikan

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600 Bangi

Selangor D.E.